

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. ONG KIAN MING (BANGI)

TARIKH : 06 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN

DR. ONG KIAN MING [BANGI] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan hasil siasatan yang dilakukan terhadap kemalangan di tapak pembinaan SUKE pada 22 Mac 2021, kemalangan di tapak pembinaan DASH pada 19 Jun 2021 dan kemalangan di pembinaan LRT3 tapak di Bandar Bukit Tinggi, Klang pada 30 Julai 2021 dan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan kemalangan ini tidak berulang di tapak-tapak pembinaan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kes 1

Kemalangan di tapak pembinaan Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi - Ulu Kelang (SUKE) pada 22 Mac 2021, kes ini dalam siasatan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) kerana melibatkan insiden kerja kren serta melibatkan kematian tiga (3) orang pekerja binaan warga asing. Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui agensinya Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah melaksanakan siasatan terhadap dua (2) syarikat yang terlibat dalam insiden berkenaan. Dua (2) syarikat berkenaan boleh dikenakan tindakan dibawah Seksyen 34B, Akta 520 kerana tidak menjalankan kewajipan kontraktor dan kegagalan memastikan keselamatan bangunan dan kerja pembinaan sama ada semasa atau selepas kerja pembinaan. Notis tutup tapak N3B/2015 telah dikeluarkan kepada kontraktor pada tarikh yang sama.

Kes ini akan dibawa ke prosiding tatatertib kerana ia melibatkan keselamatan orang awam pada 17 September 2021.

Kes 2

Kemalangan di tapak pembinaan Lebuhraya Bertingkat Damansara - Shah Alam (DASH) pada 19 Jun 2021, KKR melalui agensinya CIDB kini dalam proses penyiapan kertas siasatan (IP) pendakwaan dibawah Seksyen 34D (Kematian yang disebabkan oleh pelanggaran kewajipan oleh kontraktor), Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520) terhadap syarikat Sub-kontraktor yang menjalankan kerja-kerja "Reinforced concrete and other associated works" kerana tidak menjalankan kewajipan kontraktor dibawah Seksyen 34B, Akta 520, dimana kegagalan memastikan keselamatan bangunan dan kerja pembinaan sama ada semasa atau selepas kerja pembinaan. Notis

arahan tutup tapak N3B/2015 telah diberikan kepada kontraktor pada 20 Jun 2021.

Kes 3

Kemalangan di pembinaan LRT3 tapak di Bandar Bukit Tinggi, Klang pada 30 Julai 2021, KKR melalui agensinya CIDB kini masih lagi menjalankan siasatan untuk mengenalpasti punca keruntuhan ‘false work Pier 22-41’ dan mengumpul pembuktian berkaitan insiden, berdasarkan peruntukan Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Akta 520). Kemalangan ini akan diklasifikasikan dibawah Seksyen 34D, Akta 520 disebabkan terdapat satu (1) kematian pekerja binaan warganegara Bangladesh. Dua (2) notis pemberhentian kerja N2B/2015 telah dikeluarkan masing- masing kepada kontraktor utama dan subkontraktor terlibat. Kontraktor utama dan subkontraktor telah dipanggil untuk memberikan keterangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KKR amat prihatin terhadap isu-isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tapak bina serta yang melibatkan keselamatan awam yang berada berhampiran tapak pembinaan. Kerja-kerja pembinaan yang berdekatan atau di atas jalan raya berisiko dan memerlukan langkah kawalan keselamatan yang ketat. Selain dari objek yang jatuh kerana aktiviti pembinaan, keselamatan pengguna jalan raya juga mungkin terganggu sekiranya tiada langkah dan prosedur keselamatan yang cukup dipatuhi selama fasa pembinaan dilaksanakan

Sehubungan itu, KKR melalui CIDB telah mewujudkan dan mempengerusikan satu jawatankuasa pembangunan standard iaitu CIS 28:2021 Public & Road User Safety – Construction Works Adjacent To And Above Roadways. Dokumen CIS 28:2021 Public & Road User Safety – Construction Works Adjacent to And Above Roadways kini telah siap dan diterbitkan untuk kegunaan ahli industri mahupun menjadi rujukan masyarakat awam.

NO SOALAN : 16

Selain dari itu, sebagai langkah pencegahan insiden, Safety And Health Assessment System In Construction (SHASSIC) telah diperkenalkan sejak 2018 bagi membantu penggiat industri menambah baik amalan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) di tapak bina. Dengan pelaksanaan SHASSIC, prestasi OSH kontraktor dalam sesebuah projek ataupun aktiviti pembinaan dapat dinilai secara objektif.

Bagi membantu penggiat industri menambah baik amalan OSH, KKR melalui CIDB turut mengaturkan beberapa latihan khusus atau tindakan pembetulan untuk memperbaiki pengurusan keselamatan dan kesihatan di tapak bina.

Ini bagi mengurangkan kes-kes kemalangan dalam pembinaan dan meningkatkan kualiti serta kesejahteraan sumber manusia yang bekerja dalam industri ini.

Sekian, terima kasih.